



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KOMUNITI ORANG ASAL DISERU AGAR JALIN KERJASAMA AKTIF DENGAN KAWASAN RUKUN TETANGGA

BANTING, 9 Ogos – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara hari ini telah menyempurnakan **Majlis Sambutan Hari Antarabangsa Orang Asal Sedunia di Tadom Hill Resorts, Banting**. Sambutan ini diraikan setiap tahun sebagai **penghormatan kepada identiti, budaya, sumbangsan dan hak-hak Orang Asal** yang merupakan satu daripada komponen penting dalam kepelbagaian bangsa dan budaya di Malaysia.

Dengan tema “**Pertahankan Bumi, Pulihkan Tanah, Hijauan Semula Masa Depan – Melalui Kearifan Orang Asal**”, tema ini mengajak rakyat Malaysia untuk mengiktiraf kearifan masyarakat Orang Asal dalam menjaga alam sekitar dan warisan bumi, sekaligus menyuntik nilai tanggungjawab masyarakat terhadap alam sekitar.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, “Kerajaan MADANI sentiasa **mengiktiraf masyarakat Orang Asal sebagai sebahagian penting dalam pembentukan identiti negara serta memelihara kepelbagaian budaya yang menjadi aset kekuatan rakyat Malaysia**”.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-13 misalnya, Kerajaan MADANI memberi tumpuan serius untuk meningkatkan kualiti hidup Orang Asli secara menyeluruh dan bersepada. Satu daripada fokus utama dalam strategi ini ialah **penyemakan semua Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)** bagi **memperkuat perlindungan hak dan darjat komuniti tersebut**. **Pelbagai aspek penting turut akan dipertingkatkan seperti pemilikan tanah, pendidikan dan infrastruktur**.

YB Datuk Aaron turut menyeru agar komuniti Orang Asal **memainkan peranan yang lebih aktif dalam menyertai dan membina kerjasama dengan Kawasan Rukun Tetangga (KRT)**. Penglibatan dalam KRT

dapat memperkuuh hubungan sosial dan semangat kejiraninan serta membantu masyarakat Orang Asal mendapat akses yang lebih luas kepada program-program pembangunan setempat.

Selain itu, Kerajaan juga akan terus memberi sokongan penuh terhadap usaha memulihara bahasa, warisan lisan dan seni budaya masyarakat Orang Asal. Warisan budaya merupakan aset kebangsaan yang perlu dipelihara terutamanya dalam usaha menangani isu-isu global seperti perubahan iklim dan kemasuhan biodiversiti.

KPN akan terus komited untuk memperkuuh kerjasama strategik dengan pelbagai pertubuhan masyarakat Orang Asal dalam memastikan pembentukan dasar-dasar negara sentiasa inklusif, responsif dan menepati keperluan serta aspirasi komuniti Orang Asal.

Kementerian Perpaduan Negara

9 Ogos 2025

KPN.100-9/1/16 (61)